

14/11/1998

Berebut dokumen punca salah faham

KUALA LUMPUR, Jumaat - Beberapa salah faham membabitkan wartawan, polis dan orang awam tercetus di luar Mahkamah Tinggi di sini berikutan keghairahan mahu mengetahui perkembangan terkini perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, masalah itu tidak menjejaskan kelancaran perbicaraan Anwar yang bermula jam 9.20 pagi sebelum mahkamah ditangguhkan, menjelang solat Jumaat.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.15 petang, seorang lelaki dipercayai orang awam berebut dokumen mahkamah dengan tiga wartawan tempatan hingga tercetus pertengkaran.

Lelaki berkenaan dikatakan berminat dengan dokumen itu dan terus merampasnya dari tangan seorang wartawan tempatan menyebabkan dokumen itu terkoyak.

Seorang wartawan yang enggan dikenali berkata, sejak perbicaraan Anwar mulai 2 November lalu, pelbagai dokumen termasuk kenyataan akhbar diberikan kepada wartawan.

Menurutnya, beberapa orang awam sememangnya berminat mendapatkannya kerana beranggapan kenyataan akhbar itu tidak akan tersiar dalam media tempatan.

Sejak beberapa hari lalu, Datin Seri Dr Wan Azizah mengeluarkan kenyataan akhbar dan peguamnya mengedar kepada pemberita tetapi orang awam juga berminat mendapatkannya.

Anwar, yang memfailkan permohonan itu melalui melalui Tetuan Karpal Singh & Co, menamakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai defendan pertama dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan kedua.

Terdahulu, dalam kejadian di Jalan Mahkamah Persekutuan kira-kira jam 11.45, seorang lelaki dilihat bertelagah dengan beberapa anggota polis kerana tidak berpuas hati selepas polis berkenaan mengarahkannya meninggalkan kawasan itu.

Ini berikutan polis melarang orang ramai, kecuali wartawan dan jurugambar berada di kawasan berkenaan dan mengarahkan orang ramai beredar kerana bilangan mereka bertambah ramai.

Bagaimanapun, selepas polis menasihatnya, lelaki itu kemudian beredar diikuti beberapa yang lain.

Sementara itu, proses perbicaraan Anwar terus berjalan lancar. Anwar tiba di mahkamah dengan kenderaan empat pacuan roda dengan dikawal ketat anggota polis jam 8.42 pagi.

Anwar dibicarakan atas empat tuduhan melakukan rasuah mengikut Ordinan Nombor 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970 sejak Isnin lalu.

Seperti hari sebelumnya, jurugambar dan jurukamera media tempatan dan asing menggunakan tangga dan berdiri atas bumbung kenderaan masing-masing untuk mendapatkan rakaman gambar dan visual terbaik Anwar, keluarga dan saksi perbicaraan.

Anwar dilihat meninggalkan pekarangan mahkamah jam 12.14 tengah hari dan sekumpulan penyokong reformasi di Masjid Jamek yang bertentangan bangunan mahkamah bersorak dan melambai-lambai kepadanya. Keadaan itu berterusan ketika Dr Wan Azizah dan anaknya, Nurul Nuha meninggalkan mahkamah selepas membacakan kenyataan akhbarnya.

Bagaimanapun, keadaan bertukar menjadi sedikit kecoh apabila sebuah motosikal yang dipercayai dibonceng seorang saksi, Azizan Abu Bakar secara tiba-tiba memecut di celah-celah orang awam.

Kira-kira 20 orang awam yang berkumpul di hadapan pintu belakang mahkamah turut mengejek Ummi Hafilda Ali, Azwan Ali dan Khairuddin ketika mereka meninggalkan mahkamah, kira-kira jam 12.34 tengah hari.

Bagaimanapun, polis berjaya menenangkan keadaan dan semua orang awam bersurai jam 12.41 tengah hari.

(END)